



TANAM POKOK...Shariff (bersongkok) bersama pegawai menanam pokok di pekarangan Masjid Al-Hikmah sempena tarikh 11.11.11.

Pegawai UMS-KAL tanam pokok sempena 11.11.11

UB 12/11/2011 A2

LABUAN: Sebanyak 14 pokok telah ditanam oleh para pegawai Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) sempena tarikh 11.11.11 di pekarangan Masjid Al-Hikmah, universiti itu, petang Jumaat.

Penanaman pokok itu diketuai oleh Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang, yang menanam pokok cempaka.

Seramai 14 ketua bahagian dan wakil Sekolah Perniagaan dan

Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) telah menanam pokok bunga raya, bunga jasmin dan cempaka.

Turut menanam pokok itu ialah Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Kamisah Husin, Timbalan Dekan SPKAL, Dr Lim Kian Ping dan Ketua Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan, Jorin Matawas.

Shariff berkata, angka 14 adalah

simbolik jumlah negeri di negara ini termasuk Wilayah Persekutuan.

Selain itu, katanya, ianya juga sebagai tanda perpaduan, persefahaman dan kejituhan pegawai yang dibantu kakitangan sokongan dalam usaha mereka menaikkan nama UMS-KAL dalam pelbagai bidang terutama pendidikan bertaraf antarabangsa.

"Pokok itu adalah simbol kejayaan pegawai dan kakitangan."